KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	28.06.22	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

UM 28/6/22 Pg:37

Harga arang batu tertinggi

LONDON: Kekurangan bahan api global yang semakin serius melonjakkan penanda aras arang batu Asia ke paras rekod, ancaman kepada kenaikan bil tenaga dan masalah inflasi.

Arang batu fizikal di pelabuhan Newcastle, Australia melonjak 3.4 peratus kepada rekod AS$402.50 (RM1,773.42) satu tan pada Jumaat lalu, menurut indeks dua mingguan yang disusun oleh IHS Markit.

Menurut *Bloomberg*, ini merupakan kali pertama indeks berkenaan meningkat melebihi AS$400 (RM1,762.00).

Penjana kuasa di seluruh Asia dan Eropah dilaporkan sedang berusaha untuk mendapatkan penghantaran arang batu tambahan sebagai pengganti kepada bekalan gas asli yang semakin berkurangan, sementara pelombong sedang bergelut untuk meningkatkan pengeluaran.

Jerman dan Austria dilaporkan menghidupkan semula loji janakuasa arang batu yang terbiar sebagai tindak balas kepada kekangan bekalan gas dari Russia, manakala Jepun dan Korea Selatan menyimpan bahan api menjelang cuaca musim panas.



KRISIS bahan api telah meningkatkan permintaan terhadap arang batu, seterusnya melonjakkan harga galian itu ke paras tertinggi di pasaran Asia, semalam. - GAMBAR HIASAN

Persaingan sengit untuk kumpulan bekalan arang batu yang semakin berkurangan mengancam bil tenaga yang lebih tinggi untuk isi rumah, serta kekurangan bagi negara-negara membangun yang lebih miskin seperti Pakistan.

Cuaca yang lebih panas daripada biasa di utara China mendorong permintaan tenaga ke tahap tertinggi sepanjang masa, meningkatkan penggunaan arang batu.

Penghantaran arang batu untuk Julai ke Eropah dijual pada harga AS$421 (RM1,854.51) setan pada Jumaat lalu, paras tertinggi bagi rantau itu, menurut peniaga.

Penghantaran Asia juga didagangkan melebihi AS$400 (RM1,762.00) minggu lalu, tambah peniaga. - AGENSI